

## Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

---

**From:** UUM CORPORATE COMM.  
**Sent:** Tuesday, May 28, 2019 11:49 AM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subject:** PSC Academy Dan CACE, SCIMPA Rai Anak Yatim



UUM Corporate Comm.  
Universiti Utara Malaysia

28 MEI 2019 / 23 RAMADAN 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: SCIMPA

Gambar oleh: Shamsaimi Ezil dan Hairul Nizam Zahari

### PSC ACADEMY DAN CACE, SCIMPA RAI ANAK YATIM



**UUM ONLINE:** Dalam usaha membantu universiti menjana pendapatan, Unit Seni Kreatif & Pengurusan Acara Komersial (CACE), Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMPA) tidak lupa melakukan kerja amal dengan meraikan anak-anak yatim di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Pengurus CACE, Prof. Madya Dr. Adzrool Idzwan Ismail berkata, program tersebut merupakan antara projek awal melibatkan badan korporat dari luar UUM yang diterima CACE sejak ditubuhkan pada tahun 2016.

Menurutnya, program amal itu mendapat kerjasama PSC Academy bagi meraikan anak yatim dari tiga pusat asuhan iaitu Rumah Titian Kasih, Pusat Jagaan Kasih Murni dan Keluarga Besar Norlina Alawi Bhd. selain menyaksikan prapelancaran PSC Academy di Malaysia.

Katanya, usaha tersebut dijalankan bagi membantu universiti menjana pendapatan melalui tiga perkhidmatan kreatif yang ditawarkan oleh CACE.

Majlis berbuka puasa itu turut diserikan dengan persembahan tarian zapin dan tazkirah ringkas oleh PU Hilmi, diikuti penyampaian sumbangan kepada anak-anak yatim.

Antara artis yang terlibat dalam program berkenaan ialah Fitri Haris, Zahid AF2 dan Farhan AF4.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.